



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

Aras 3, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar,
79503 Iskandar Puteri, Johor

Telefon: 07-266 6116/07-290 8222 **Faks:** 07-290 8111/07-290 9888
Website: www.johor.gov.my/sukj **Email:** sukjkorporat@johor.gov.my

ستياوسها كراجان جوهر

SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR



*Sila nyatakan rujukan bilangan kami
apabila menjawab.*

Rujukan Kami : SUKJ.BKP.99/4 Jld. 2 (38)
Tarikh : 4 Oktober 2018

Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan / Daerah
Badan-badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan

YB Dato' / YBhg Datuk / YBM Tunku/ Tuan/ Puan,

ATURAN PAKAIAN BAGI PENJAWAT AWAM NEGERI

Dengan segala hormatnya **Pekeliling Am Kerajaan Negeri Bil. 5 Tahun 2018** berhubung Pakaian Seragam dan Cara Berpakaian Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Johor adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan perubahan pemakaian Baju Batik kepada Baju Korporat untuk Hari Ahad di Negeri Johor, manakala tiada perubahan bagi pakaian untuk hari-hari seterusnya. Bagi jabatan-jabatan yang tidak mempunyai Baju Korporat Jabatan, ianya masih tertakluk kepada pemakaian Pakaian Pejabat.

3. Bagi Penjawat Awam bukan Islam (Lelaki dan Wanita), Kerajaan Negeri masih mengekalkan Pakaian Pejabat bagi hari Isnin hingga Khamis sepertimana sebelum ini dengan tiada pindaan.

Samb..2/-

4. Dimaklumkan juga Aturan Pakaian bagi Penjawat Awam Negeri Johor hendaklah dibaca bersama **PP. Bil. 2/ 1985 (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam)**, **PP. Bil. 1/2006 (Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi)** dan **Pekeliling Tetap Kerajaan Johor Bil. 123 (Pakaian Seragam dan Cara Berpakaian Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Johor)** yang bertujuan menetapkan jenis pakaian yang sesuai dan kemas semasa bekerja.

5. Sehubungan dengan itu, Penjawat Awam Negeri Johor perlu mematuhi garis panduan tersebut semasa bertugas di pejabat yang ditakrifkan sebagai **Pakaian Pejabat**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI)

Setiausaha Kerajaan Johor